

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 October 2015

Dr. M diminta beri penjelasan

11m - 14/10/2015

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta menjelaskan tujuan sebenar beliau mengadakan sidang akhbar semalam.


Pengendali laman blog Malaysia Today, Raja Petra Kamarudin berkata, Dr. Mahathir sewajarnya menyatakan sama ada sidang akhbar tersebut bertujuan membantah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Sosma) atau membantah penggunaan akta tersebut terhadap bekas Naib Ketua UMNO Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan peguam, Matthias Chang.'

Menurut beliau, tindakan Dr. Mahathir menimbulkan persoalan memandangkan bekas Perdana Menteri itu menyokong penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) yang telah dimansuhkan.

"Jadi, adakah Dr. Mahathir membantah Sosma semalam sedangkan beliau menganggap Sosma adalah tidak cukup berkesan dan terlalu lembut berbanding ISA dan Akta Patriot?"

"Atau adakah beliau mempertikaikan tindakan yang diambil terhadap dua ejennya?" katanya melalui laman blog beliau (<http://www.malaysia-today.net>) hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mendakwa Sosma telah dikenakan terhadap pengkritik-pengkritik kerajaan sedangkan



RAJA PETRA KAMARUDIN

akta tersebut seharusnya digunakan untuk menangani aktiviti keganasan.

Dr. Mahathir mengadakan sidang akhbar itu selepas Khairuddin dan Matthias didakwa di Mahkamah Majistret di sini atas tuduhan cuba melakukan sabotaj terhadap perkhidmatan perbankan serta kewangan negara.

Raja Petra turut rnementikaikan kehadiran Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dalam sidang akhbar berkenaan.

Katanya, situasi itu hampir serupa dengan bantahan pakatan pembangkang terhadap penggunaan ISA untuk menangkap penyokong Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sepanjang 1998 hingga 2001.